

# Lawatan PM tingkat hubungan pelbagai bidang dua negara

**Peru komited teroka kerjasama dalam bidang kepentingan bersama anggota ASEAN**

Daripada Kamarulzaidi Kamis  
kamarulzaidi@bh.com.my  
di Lima, Peru



**Lawatan** rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Peru membawa komitmen yang lebih kukuh dalam mempertingkatkan hubungan strategik antara Malaysia dan negara Amerika Latin itu, khususnya melalui sokongan Malaysia terhadap status Peru sebagai 'Rakan Pembangunan ASEAN.'

Langkah itu mencerminkan aspirasi Malaysia untuk memperkukuh kerjasama rantau ASEAN-Pasifik menjelang 2025 apabila Malaysia bakal mempergunakan ASEAN.

Dalam satu kenyataan bersama, Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zagarra, menyampaikan penghargaan kepada Malaysia atas sokongan itu dan menekankan komitmen Peru untuk terus meneroka kerjasama dalam bidang kepentingan bersama dengan negara anggota ASEAN.

Kedua-dua pemimpin menegaskan pentingnya usaha memperkukuh hubungan ini menerusi Jawatankuasa Perkongsian Pembangunan ASEAN-Peru, yang membolehkan lebih banyak kerjasama dalam bidang perdagangan, keselamatan, serta pembangunan sosial.

Sebagai inisiatif ekonomi, ke-

dua-dua negara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam sektor halal, pertanian, gastronomi dan hospitaliti.

Malaysia menawarkan bantuan kepada Peru dalam membangunkan ekosistem halal yang diiktiraf oleh pihak berkuasa Malaysia, dengan cadangan untuk menubuhkan Zon Ekonomi Halal khas di Pelabuhan Chancay yang dijangka menjadi pusat perhubungan logistik dan rantai bekalan Halal bagi pasaran Amerika Latin.

Peru juga mengalu-alukan peranan strategik Pelabuhan Chancay sebagai hab pelbagai hala yang akan memperkukuh perdagangan dua hala.

Dalam hal ini, Malaysia dijemput untuk turut serta dalam pembangunan Hab Logistik, Perindustrian dan Teknologi di Pantai Tengah Peru, yang bakal mana dilancarkan seiring dengan pembukaan pelabuhan baharu itu.

Malaysia pula menyatakan penghargaan kepada Peru atas peranannya dalam memimpin APEC 2024, yang mana berjaya memperkukuh kolaborasi dan dialog dalam kalangan ekonomi anggota.

Anwar juga menyatakan komitmen negara untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dengan Peru, termasuk usaha membangunkan Pelabuhan Chancay sebagai laluan strategik untuk produk halal Malaysia menembusi pasaran Amerika Latin.

Katanya, Malaysia melihat potensi besar dalam membangunkan ekosistem halal di Peru.

Ini bukan sahaja sebagai strategi perdagangan, tetapi juga peluang untuk memperluas kerjasama di rantau yang semakin menerima produk berasaskan halal.

"Peru memiliki kedudukan geografi yang strategik sebagai pintu masuk utama ke Amerika Latin. Dengan pembangunan infrastruktur Pelabuhan Chancay, Malaysia berharap dapat menyumbang kepada projek ini dan pada masa yang sama memper-



Anwar diberi sambutan negara di pekarangan Istana Kerajaan Peru, semalam.

(Foto BERNAMA)

kukuhkan kehadiran produk halal Malaysia di rantau ini," kata Anwar selepas pertemuan dengan Zagarra di Istana Kerajaan Peru, semalam.

Anwar sebelum itu diberi sambutan negara di pekarangan Istana Kerajaan Peru.

Kedua-dua pemimpin kemudian mengadakan mesyuarat tertutup sebelum disusuli dengan mesyuarat bilateral.

Kedua-dua pemimpin kemudian menyaksikan pertukaran tiga Memorandum Persefahaman (MoU) iaitu membabitkan kerjasama dalam industri halal antara Perbadanan Pembangunan Industri Halal Malaysia (HDC) dengan Suruhanjaya Penggalakan Eksport dan Pelancongan Peru (PROMPERU).

Selain itu, kerjasama dalam bidang pertanian antara Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan Institut Inovasi Pertanian Kebangsaan (INIA) dan kerjasama dalam bidang gastronomi antara Taylor's University dengan Pusat Latihan Pelanco-

ngan Peru (CENFOTUR).

## **Bebas tentukan dasar**

Dalam pada itu, Anwar berkata Malaysia harus bebas menentukan dasar yang terbaik demi kepentingan negara, tanpa tunduk kepada mana-mana pihak luar.

Beliau berkata, aspirasi rakyat adalah panduan utama dalam merangka dasar negara, terutama dalam hubungan perdagangan dan ekonomi.

"Kita tidak boleh tunduk pada mana-mana pihak dalam menentukan polisi kita. Sebaliknya, kita perlu berpandukan pada apa yang terbaik untuk negara kita, berpandukan aspirasi rakyat sendiri," tegas Anwar ketika berucap dalam satu meja bulat bersama pemimpin industri dari Malaysia dan Peru bersempena Minggu Pemimpin Ekonomi APEC (AELW) di Peru.

Beliau turut menekankan bahawa walaupun Amerika Syarikat kekal sebagai pelabur utama di Malaysia, negara juga menjalin hubungan dagangan yang erat dengan China.

"Malaysia bekerjasama secara efektif dalam pelbagai bidang, dan inilah haluan masa hadapan kita," tambah Anwar, merujuk kepada kepentingan Malaysia dalam menjaga keseimbangan hubungan dengan pelbagai kuasa ekonomi global.

Sesi turut dihadiri, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz.

Anwar menegaskan keperluan bagi memperluaskan jalinan kerjasama Malaysia dengan negara Global South.

Dalam kesempatan lawatannya itu, Anwar juga merasmikan projek Taman Solar Matarani oleh Yinson Holdings Bhd di Peru, yang juga satu inisiatif tenaga boleh diperbaharui terbesar di negara itu.

Projek solar ini dijangka mampu membekalkan kira-kira 260 GWj tenaga hijau setiap tahun, cukup untuk memenuhi keperluan 62,000 isi rumah di Peru dan mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 56,000 tan setahun.